

Ketua, Timbalan Ketua Nusantara diumum

Bambang mahu jadikan ibu negara baharu di Kalimantan Timur

Jakarta: Presiden Joko Widodo (Jokowi) melantik Bambang Susantono dan Dhony Rahajoe masing-masing sebagai Ketua dan Timbalan Ketua ibu kota baharu, Nusantara, dalam persiapan memindahkan ibu negaranya ke Kalimantan Timur.

Beliau kelmarin menandatangani Undang-Undang Ibu Kota 2022 bulan lalu, yang menetapkan Presiden perlu melantik ketua dan timbalan ketua dalam tempoh dua bulan selepas undang-undang itu berkuat kuasa.

Menurut peraturan itu, ketua

pihak berkuasa akan mempunyai status setaraf menteri dan akan mengetuai persiapan untuk pembinaan dan penempatan semula ke Nusantara, ibu kota baharu yang juga pusat tadbir urus ibu negara.

Berucap pada upacara itu, Bambang berkata beliau berhasrat untuk membina 'bandar untuk semua' dengan bukan hanya menekankan kepada pembangunan infrastruktur fizikal di Nusantara, tetapi juga jiwa bandar.

"Kita bukan sahaja akan membina dari segi (infrastruktur) fizikal, tetapi kami juga akan memberi tumpuan kepada perpaduan sosial dan interaksi antara warga kota.

"Kita akan memastikan bandar itu menjadi sebuah bandar yang mengutamakan nilai kemaruan dan selesa didiami," katanya di Jakarta, kelmarin.

Tambah beliau, tugas awalnya dalam tempoh terdekat ini adalah untuk menyelaras dengan institusi berkaitan penyediaan asas



Gambar fail ketika Jokowi melawat Kalimantan Timur yang akan dibangunkan sebagai ibu negara baharu menggantikan Jakarta. (Foto AFP)

bagi pemindahan ke Nusantara, seperti Badan Perancang Pembangunan Negara (Bappenas) serta Kementerian Kerja Raya dan Perumahan.

Sebelum dilantik sebagai ketua pihak berkuasa ibu kota yang baharu, Bambang ialah naib presiden di Bank Pembangunan Asia, jawatan yang dipegangnya sejak 2015.

Sementara itu, Dhony Rahajoe pula ialah pengarah urusan Sinar Mas Land, pemaju swasta yang terkenal dengan pembinaan

Bumi Serpong Damai (BSD) City di Tangerang, Banten.

Pelantikan Dhony dibuat berikutkan lawatan Jokowi dan pegawai lain ke bandar satelit itu pada Disember tahun lalu, bagi menyatakan hasrat kerajaan untuk menjadikan model pembangunan Nusantara seperti BSD City.

Jokowi mengarahkan pegawai yang baru dilantik dan menteri berkaitan untuk segera berusaha memastikan tanah tapak Nusantara mempunyai status undang-undang yang jelas.

AGENSI

Remaja 14 tahun suspek sindiket penipuan

Singapura: Seorang remaja berusia 14 tahun antara 236 suspek yang disiasat pihak berkuasa republik ini kerana disyaki terbabit dalam sindiket penipuan dalam talian.

Suspek dipercayai terbabit dalam lebih 787 kes penipuan terutama penipuan cinta internet dan e-dagang, penyamaran dan penyamaran e-mel perniagaan sebagai pegawai dari China atau kerajaan serta penipuan pelaburan, pekerjaan dan pinjaman.

Secara keseluruhannya, mangsa dikesan mengalami kerugian lebih SGD\$5.1 juta (RM15.72 juta) selain ada yang dijadikan keldai wang bagi pengubahan wang haram.

Semalam, polis berkata seramai 158 lelaki dan 78 wanita berusia antara 14 dan 72, tahun ditahan bagi membantu siasatan operasi Jabatan Hal Ehwal Komersial dan Tanah, yang berjalan selama dua minggu dan berakhir kelmarin.

Kata polis lagi, suspek disiasat atas dakwaan kesalahan menipu, pengubahan wang haram dan menyediakan perkhidmatan pembayar tanpa lesen.

AGENSI

Ulang Tahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur

Pada tahun 1982, kerajaan Malaysia telah melancarkan Dasar Pandang Ke Timur (LEP) dengan tujuan untuk belajar daripada Jepun bagi meningkatkan pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia. Sejak itu, lebih 26,000 pelajar Malaysia yang cemerlang telah belajar dan berlatih di universiti dan pusat pengajian di Jepun. Setelah kembali ke Malaysia, mereka memainkan peranan aktif di barisan hadapan dalam pelbagai bidang serta menjadi jambatan penting untuk menghubungkan kedua-dua negara. Kedutaan Jepun ke Malaysia akan terus menyokong perlaksanaan LEP untuk generasi yang akan datang.



Imbas untuk ketahui lebih lanjut



www.my.emb-japan.go.jp



japaninmalaysia